

12 JUL 2001

Ling-Landasan

LANDASAN BERKEMBAR DIJANGKA ERATKAN EKONOMI M'SIA-THAILAND

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Hubungan Malaysia-Thailand dijangka meningkat dengan siapnya projek landasan kereta api berkembar yang menghubungkan kedua-dua negara beberapa tahun lagi, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Katanya, selain manfaat dari segi ekonomi, ia juga akan mengeratkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

"Bila siap kelak, kerjasama Malaysia-Thailand akan meningkat kerana landasan berkembar itu akan membolehkan lebih banyak bidang perkhidmatan dan ini akan mengeratkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara," katanya.

Dr Ling berkata demikian pada sidang media selepas mengiringi Menteri Pengangkutan dan Komunikasi Thailand Wanmuhamadnoor Matha dalam kunjungannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Kerajaan telah membayangkan untuk melaksanakan projek landasan kereta api berkembar elektrik untuk keseluruhan laluan dari Padang Besar ke Johor Baharu dalam tempoh tujuh tahun.

Buat masa ini, landasan seumpama itu meliputi sektor Seremban-Rawang dan Sentul-Pelabuhan Klang, manakala DRB-Hicom Berhad dan syarikat Mitsui dari Jepun telah diberikan kontrak untuk membina projek landasan berkembar Ipoh-Rawang berharga RM2.58 bilion.

Dr Ling baru-baru ini dilaporkan berkata cadangan projek landasan berkembar bagi sektor Padang Besar-Ipoh dan Seremban-Johor Baharu masing-masing dijangka menelan belanja RM6 bilion.

Di pihak Thailand pula, projek landasan berkembar sejauh kira-kira 1,000 km dari Bangkok ke Hatyai dibahagikan kepada empat pakej.

Bercakap pada sidang media yang sama, Wanmuhamadnoor berkata pakej pertama yang menghubungkan Bangkok dan Nakorn Pratom sejauh 250km hampir siap. Ia menelan belanja RM400 juta.

Beliau berkata pakej kedua dijangka bermula tahun depan.

Menteri Thai itu juga berkata beliau bertukar-tukar pandangan dengan Dr Mahathir terutamanya berhubung soal pengangkutan antara kedua-dua negara.

Beliau juga menyampaikan perutusan ucap selamat daripada Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAM SHO RV RI